



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

LAPORAN

SURVEI KHAS KESAN COVID-19 KEPADA SYARIKAT DAN FIRMA PERNIAGAAN (PUSINGAN 1)



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



SOROTAN SURVEI

Laporan ini menyediakan ringkasan penemuan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Syarikat/ Firma Perniagaan (Pusingan 1) yang telah dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 10 April – 1 Mei 2020.

Sebanyak 4,094 syarikat/ firma perniagaan telah menyertai survei ini. Maklumat yang dikumpulkan melalui survei ini tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989) di mana maklumat yang diterima adalah SULIT dan hanya digunakan bagi tujuan perangkaan.

Dapatan kajian akan digunakan sebagai input kepada Kerajaan Malaysia untuk mengukur kesan COVID-19 kepada ekonomi dan syarikat/ firma perniagaan di Malaysia.

PENAFIAN (*DISCLAIMER*)

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada syarikat/ firma perniagaan yang menyertai Survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh syarikat/ firma perniagaan di Malaysia. Ia harus ditafsir secara berhati-hati bagi menilai kesan Covid-19 di Malaysia dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang situasi semasa. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.





ISI KANDUNGAN

Muka surat

Profil Syarikat/ Firma Perniagaan

3

Kesan Terhadap Syarikat/ Firma Perniagaan

4

**Perkhidmatan Kerajaan kepada Syarikat/ Firma
Perniagaan dalam Menangani COVID-19**

6


**Situasi Syarikat/ Firma Perniagaan dalam
Menghadapi COVID-19**

9



PROFIL SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN


Rajah 1: Syarikat/ Firma Perniagaan Mengikut Kategori Syarikat



Syarikat/ firma perniagaan **berstatus mikro** merupakan responden tertinggi dalam survei ini iaitu **43.4 peratus**, diikuti oleh syarikat/ firma perniagaan **berstatus kecil (40.4%)** manakala syarikat/ firma perniagaan **berstatus sederhana dan besar** masing-masing hanya **9.1 peratus dan 7.2 peratus**.


52.2 peratus responden yang terlibat dengan survei ini merupakan syarikat/ firma perniagaan **berstatus bumiputera** manakala **47.8 peratus** berstatus **bukan bumiputera**.

Rajah 2: Syarikat/ Firma Perniagaan Mengikut Status Bumiputera



KESAN TERHADAP SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN

Rajah 3: Tempoh Syarikat/ Firma Perniagaan Mampu Bertahan Sekiranya Memberi Kemudahan Cuti Bergaji Penuh/ Separuh Gaji Kepada Pekerja




53.4 peratus syarikat/ firma perniagaan hanya mampu bertahan **1 hingga 2 bulan sahaja** sekiranya memberi kemudahan cuti bergaji penuh/separuh gaji kepada pekerja.

25.4 peratus pula bertahan antara **3 hingga 6 bulan** manakala **16.5 peratus** boleh bertahan kurang daripada 1 bulan.

Hanya **4.7 peratus** syarikat/ firma perniagaan mampu bertahan sehingga **melebihi 6 bulan**.


67.8 peratus syarikat/ firma perniagaan menyatakan **tiada sumber pendapatan** sepanjang tempoh PKP. Manakala **12.3 peratus peratus** syarikat/ firma perniagaan memperoleh pendapatan melalui **jualan/ perkhidmatan atas talian** dan **9.8 peratus** daripada **jualan di premis fizikal/ kedai**.

Rajah 4: Sumber Pendapatan bagi Syarikat/ Firma Perniagaan Sepanjang Tempoh PKP



KESAN TERHADAP SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN

Rajah 5: Kesan Kepada Pekerja Semasa Tempoh PKP




Daripada 4,094 syarikat/ firma perniagaan, **35.6 peratus** syarikat/ firma perniagaan menyatakan **memberi cuti bergaji penuh kepada pekerja semasa tempoh PKP**. **33.5 peratus** syarikat/ firma perniagaan mengambil pendekatan **bekerja dari rumah**. Manakala, **16.5 peratus** peratus syarikat **memberi cuti tanpa gaji** kepada pekerja semasa tempoh PKP.



PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADA SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN DALAM MENANGANI COVID-19

Rajah 6: Isu/ Cabaran yang Dihadapi Syarikat/ Firma Perniagaan



Pembayaran gaji pekerja mendominasi isu/ cabaran yang dihadapi oleh syarikat/ firma perniagaan dengan **76.6 peratus**. Diikuti dengan **ketiadaan pelanggan** sebanyak **65.5 peratus** sepanjang tempoh PKP.

88.8 peratus Syarikat Sendirian Berhad menghadapi isu/ cabaran dalam **pembayaran gaji pekerja**, diikuti **ketiadaan pelanggan (63.2%)**. Sebaliknya, **Hak Milik Perseorangan** pula menyatakan cabaran utama adalah **ketiadaan pelanggan** iaitu **70.7 peratus** dan diikuti **pembayaran gaji pekerja (62.5%)**


Rajah 7: Isu/ Cabaran yang Dihadapi Syarikat/ Firma Perniagaan Mengikut Taraf Syarikat/ Firma Perniagaan

Taraf sah	Pembayaran gaji pekerja	Ketiadaan pelanggan	Pembayaran sewa premis
Keseluruhan	76.6%	65.5%	61.4%
Hak Milik Perseorangan	62.5%	70.7%	60.5%
Perkongsian	76.5%	68.8%	68.4%
Syarikat Sendirian Berhad	88.8%	63.2%	63.5%




PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADA SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN DALAM MENANGANI COVID-19

Rajah 8: Bantuan yang Diperlukan oleh Syarikat/ Firma Perniagaan



83.1 peratus syarikat/ firma perniagaan memerlukan bantuan kewangan/ subsidi daripada Kerajaan. Diikuti pengurangan cukai syarikat atau mana-mana cukai berkaitan (67.0%). 39.1 peratus menyatakan memerlukan penangguhan pembayaran pinjaman dan pindaan polisi/ dasar berkaitan (30.6%).

Rajah 9: Syarikat/ Firma Perniagaan yang Mendapat Manfaat dari Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)




52.1 peratus daripada 4,094 responden menyatakan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dapat meringankan beban syarikat/ firma perniagaan manakala 47.9 peratus menyatakan tidak dapat mengurangkan beban syarikat/ firma perniagaan yang ditanggung.

PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADA SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN DALAM MENANGANI COVID-19


Secara keseluruhan, **36.3 peratus syarikat/ firma perniagaan** menyatakan proses untuk mendapat permohonan bantuan/ insentif (seperti subsidi gaji pekerja) yang diumumkan oleh kerajaan adalah **sederhana**, manakala **26.3 peratus** menyatakan **memuaskan** dan **17.8 peratus** menyatakan **kurang memuaskan**.

Rajah 10: Pengalaman Syarikat/ Firma Perniagaan untuk Mendapat Permohonan Bantuan/ Insentif yang Diumumkan oleh Kerajaan




Sekurang-kurangnya **71.9 peratus syarikat/ firma perniagaan** berpuas hati dengan cara kerajaan menangani COVID-19. Hanya **8.3 peratus** kurang berpuas hati terhadap cara kerajaan menangani COVID-19.

Rajah 11: Pandangan Syarikat/ Firma Perniagaan Terhadap Cara Kerajaan Menangani COVID-19



SITUASI SYARIKAT/ FIRMA PERNIAGAAN DALAM MENGHADAPI COVID-19

Rajah 12: Anggaran Tempoh Syarikat/ Firma Perniagaan akan Kembali Pulih



42.5 peratus responden menganggarkan tempoh **lebih daripada 6 bulan** diperlukan bagi syarikat/ firma perniagaan mereka untuk kembali pulih seperti biasa sekiranya COVID-19 berjaya dibendung. Manakala **28.7 peratus responden** menganggarkan tempoh **4-6 bulan** diperlukan. Sebaliknya, **1.9 peratus** responden menyatakan syarikat/ firma perniagaan mereka **tidak akan pulih dan dijangka terpaksa ditutup**.

Didapati **68.9 peratus** syarikat/ firma perniagaan menyatakan kos operasi atau modal kerja sepanjang tempoh PKP adalah dengan menggunakan **simpanan**. Manakala, **19.8 peratus** melalui **pinjaman** dan **11.3 peratus** adalah **suntikan modal**.

Rajah 13: Sumber Syarikat/ Firma Perniagaan Menampung Kos Operasi atau Modal Kerja Sepanjang Tempoh PKP Berlangsung

